





MEMO

CAWANGAN PERUNDANGAN 07 JUN 2013

Kepada :	Pengarah Bahagian Pelesenan & Pengurusan Sumber	Salinan :	Ketua Cawangan Pembangunan Laut Dalam
Daripada:	Ketua Cawangan Perundangan	Ruj. Kami: Tarikh :	Prk.ML. 08/24/paps () 6 Jun 2013

Tuan,

SEMAKAN DRAF AYAT TAMBAHAN SYARAT LESEN

ppk aym



Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memo tuan Prk.ML.50/01 Jld. 16 (30) bertarikh 31 Mei 2013 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, Cawangan ini meneliti serta membuat perbandingan berdasarkan Akta Perikanan 1985, syarat-syarat yang terkandung dalam buku lesen Jabatan sedia ada dan draf ayat tambahan yang disyorkan dalam syarat buku lesen seperti berikut;

Bil.	PERKARA
(a)	<u>Akta Perikanan 1985</u> "...tanpa <u>mendapat kelulusan</u> bertulis daripada Ketua Pengarah." atau "...tanpa <u>kebenaran</u> bertulis daripada Ketua Pengarah."
(b)	<u>Syarat-syarat dalam buku lesen sedia ada</u> "...kecuali <u>mendapat kebenaran</u> bertulis <u>daripada</u> Ketua Pengarah Perikanan." atau "...kecuali <u>dengan</u> kebenaran bertulis <u>dari</u> Ketua Pengarah Perikanan."
(c)	<u>Draf ayat tambahan dalam syarat buku lesen (rujuk memo Prk.ML.50/01 Jld.16 (30) bertarikh 31 Mei 2013</u>
	<ul style="list-style-type: none"> i) <i>Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh berada di luar perairan perikanan Malaysia kecuali dengan kebenaran daripada Ketua Pengarah Perikanan.</i> ii) <i>Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh digunakan bagi tujuan selain daripada yang dilesenkan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah Perikanan.</i>

3. Cawangan ini telah memperhalusi semua perkara di para 2. di atas setelah mengambil kira kehendak dasar serta perkembangan isu semasa industri perikanan, maka dengan ini disyorkan draf di para 2.(c) i) dan 2.(c) ii) diselaraskan sebagaimana berikut;

3.1) *Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh berada di luar perairan perikanan Malaysia kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan.*

3.2) *Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh digunakan bagi tujuan selain daripada yang dilesenkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan.*

Keputusan Y.H.Dato' Ketua Pengarah Perikanan

Di bawah kuasa Seksyen 10, Akta Perikanan 1985, saya BERSETUJU/~~TIDAK~~
BERSETUJU agar butiran berikut di jadikan sebagai syarat lesen vesel dan peralatan
penangkapan ikan.

- a) Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh berada di luar perairan perikanan
Malaysia kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan
- b) Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh digunakan bagi tujuan selain
daripada yang dilesenkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua
Pengarah Perikanan

Ulasan :

Spt. alam

Sekian, terima kasih.



(DATO' AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)
Ketua Pengarah Perikanan
PUTRAJAYA

Tarikh :


11/4/13.

4. Semoga perkara ini mendapat perhatian untuk tindakan pihak tuan selanjutnya. Jika masih terdapat sebarang kemusykilan berkaitan perkara ini, pihak kami sentiasa bersedia untuk memberi penerangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(HAZEELIA BINTI MUHAMMAD)
C:\AHJMEMO-KCU-P&PS-SemakanSyaratLesen.doc